

06 AUG 1998

Mahathir-Pinjaman

MALAYSIA AKAN TERUS PINJAM DARI LUAR, KATA MAHATHIR

IPOH, 6 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan meneruskan usaha untuk membuat pinjaman kewangan dari luar sebagai langkah memulihkan ekonomi negara.

Bagaimanapun katanya cara mana kerajaan akan melakukan perkara itu tidak akan didedahkan bagi mengelakkan "penyangak mata wang" daripada merosakkan usaha itu.

"Kita akan cari jalan lain (buat pinjaman) tetapi kita tidak boleh beritahu kerana nanti penyangak mata wang akan cari jalan galkan usaha kita itu," katanya di hadapan beribu-ribu rakyat di Stadium Tertutup Indera Mulia sempena lawatan seharinya ke Perak.

Perdana Menteri berkata yang amat nyata ialah dua hari sebelum Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berlepas ke luar negara untuk menerangkan keadaan ekonomi negara dan mendapatkan pinjaman kewangan, penyangak mata wang telah menjatuhkan nilai kredit negara menerusi dua agensi penarafan antarabangsa Moody's dan Standard & Poors.

"Mereka sengaja merosakkan usaha kita hendak pulihkan ekonomi negara sendiri," katanya.

Katanya setelah menyerang mata wang dan saham negara, penyangak mata wang sekarang mahu menyerang keupayaan negara untuk mendapatkan pinjaman dari luar pula.

Hasrat mereka tidak lain daripada hanya mahu menghancurkan ekonomi negara ini, katanya.

"Saya yakin perkara ini tidak diketahui rakyat tetapi inilah yang dibincangkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)," katanya.

Menurutnya, apa yang penting sekarang rakyat harus faham tentang apa yang dilakukan kepada negara ini.

Dr Mahathir berkata mereka bukan sahaja mahu menguasai ekonomi negara-negara Asia tetapi juga mahu menguasai politik dan menentukan kepimpinan negara-negara itu.

Katanya pemimpin-pemimpin Asia seperti di Thailand, Indonesia, Korea dan baru-baru ini Jepun sudah bertukar.

"Yang belum tukar lagi ialah Singapura dan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka akan cuba menjatuhkan beliau juga sekiranya beliau "banyak bercakap".

Mereka tamak, bukan sahaja tamak duit tetapi juga hendakkan kuasa dalam bidang ekonomi, politik dan mahu menguasai dunia, katanya.

Dr Mahathir menjelaskan kerajaan terpaksa meminjam dari luar negara dan bukan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi membolehkan dua agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan baru-baru ini membiayai hutang lapuk bank-bank dan membuat penambahan modal syarikat tempatan.

"Bank-bank kita kurang duit dan hutang banyak, jadi kita kena beli (hutang lapuk) dan itu cara nak selamatkan orang berhutang. Tetapi untuk membeli hutang lapuk dan menambah modal syarikat, kerajaan mesti ada duit," katanya.

Bagaimanapun, katanya, apabila mereka (penyangak mata wang) mendengar yang kerajaan terpaksa meminjam dan menghantar menteri-menteri untuk memberi penerangan berhubung ekonomi negara ini, mereka menggunakan dua agensi penarafan antarabangsa itu untuk menjatuhkan nilai kredit negara ini

"Jadi kita nak hutang kita kena bayar banyak faedah. Tujuan itu supaya kita tidak boleh hutang dan ini bermakna kita tidak boleh selamatkan bank-bank dan syarikat-syarikat kita, ini sengaja dibuat," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa tujuan utama beliau mengadakan perjumpaan dengan rakyat ialah untuk menerangkan kepada mereka keadaan yang dihadapi negara agar mereka memahami masalah itu.

Dr Mahathir berkata yang penting ialah rakyat tidak mencetuskan huru hara dalam negara dan sebaliknya mengekalkan perpaduan.

Beliau berkata jika belaku huru hara dan perpecahan, kerajaan tidak dapat menumpukan perhatian untuk memulihkan ekonomi yang mengalami kejatuhan nilai mata wang sebanyak 60 peratus dan penurunan modal pasaran saham daripada RM900 bilion kepada RM300 bilion sejak masalah itu berlaku pertengahan tahun lepas.

"Kita perlukan konsentrasi, kita mesti menghadapinya dan jika di belakang kita macam-macam berlaku, tidak mungkin kita boleh capai kejayaan," katanya.

Dr Mahathir berharap mereka yang berhimpun pada majlis itu menyebarkan penjelasan beliau itu kepada orang lain agar mereka sama-sama dapat mengukuhkan perpaduan dan sama-sama menghadapi masalah itu sebagai satu bangsa yang bertanggungjawab.

Katanya, rakyat harus memahami kegawatan ekonomi itu yang dianggap luar biasa kerana jika rakyat tidak memahaminya, mereka tidak akan mempunyai perasaan takut.

Dr Mahathir berkata rakyat tidak sangat merasakan masalah kejatuhan mata wang itu kerana mereka menggunakan mata wang ringgit untuk urusan dalam negara.

"Jangan ingat kejatuhan nilai saham syarikat-syarikat tempatan tidak akan memberi kesan kepada kita semua...ada kesan secara langsung kerana syarikat membayar cukai kepada kerajaan," katanya.

Bila kutipan cukai kerajaan daripada syarikat terjejas, maka program kerajaan untuk rakyat akan turut terjejas.

Katanya, sekiranya masalah itu berterusan, ia akan menjejaskan semua termasuk rakyat kerana barangan yang diimport akan menghadapi kenaikan harga.

Beliau berkata tahun depan jika kerajaan tidak dapat memungut cukai seperti tahun lepas, kerajaan mungkin menimbang supaya gaji kakitangan kerajaan dikurangkan.

"Maka akan marahlah semua orang nanti," katanya.

Bagaimanapun, kata Dr Mahthir, kerajaan sudahpun mengambil langkah-langkah wajar termasuk memotong perbelanjaan pembangunan.

-- BERNAMA

ARA MAI